



IKLAN JAWATAN KOSONG

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK

Kami mempelawa Warganegara Malaysia yang berkelayakan berdasarkan syarat yang ditetapkan, dan mempunyai komitmen yang tinggi dan penuh iltizam serta bercita-cita untuk berkhidmat di Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak yang menuju sebuah universiti bereputasi antarabangsa, bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:-

JAWATAN	: PENSYARAH KANAN GRED DS51/FELO PENGAJAR GRED UDK
SKIM PERKHIDMATAN	: PENSYARAH UNIVERSITI
KLASIFIKASI	: PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARAF JAWATAN	: TETAP/KONTRAK
JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM:	RM5,855.00 - RM12,445.00

SYARAT LANTIKAN SKIM PERKHIDMATAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- (d) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
- (e) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT KHAS UPM BAGI JAWATAN PEGAWAI AKADEMIK:

1. Memperolehi Kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan dan keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai bidang kepakaran berkaitan;
2. Memperolehi kelayakan Ijazah Sarjana Muda yang cemerlang dalam bidang yang berkaitan dengan minimum (**CGPA 3.00 ke atas**).
3. Bidang kepakaran/pengajaran yang diperlukan adalah seperti berikut;

- i) **Sains Komputer/Multimedia**
- ii) **Kimia Organik**
- iii) **Veterinar**
- iv) **Perhutanan**
- v) **Perakaunan dan Kewangan**

SYARAT LAIN:

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat keatasnya dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON:

Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati dari laman web UPM Kampus Bintulu Sarawak dengan memuat turun borang di www.btu.upm.edu.my.

Pemohon dikehendaki menyertakan salinan sijil akademik, transkrip, salinan Kad Pengenalan, salinan Sijil Kelahiran serta dokumen yang berkaitan. Permohonan yang telah lengkap hendaklah dimajukan ke Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu melalui emel penjawatanakademik@upm.edu.my.

PERHATIAN:

- i. Permohonan yang tidak lengkap diisi dan tidak mengikut peraturan memohon boleh menyebabkan permohonan tidak akan dipertimbangkan.
- ii. Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga di peringkat Fakulti.
- iii. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh **enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan** adalah dianggap **tidak berjaya**.

PERTANYAAN:

Sebarang pertanyaan berhubung iklan boleh diajukan kepada pegawai berikut:

Ketua Pentadbiran

No. Telefon Pejabat : 086-855208

Emel : ketua_pentadbiran.btu@upm.edu.my

En. Mohd. Amaludin bin Salleh

No. Telefon Pejabat : 086-855289

Emel : m.amaludin@upm.edu.my

Pn. Lucy Asa

No. Telefon Pejabat : 086-855234

Emel : penjawatanakademik@upm.edu.my

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 31 Oktober 2024 (Khamis).